



Headline: Suri rumah kerugian RM18,000 kena, 'kelentong'

Publication/Portal: Kosmo

Date: 29 January 2021

Language: Malay

Section: Negara


Page: 15

## Suri rumah kerugian RM18,000 kena 'kelentong'

**SEBERANG PRAI** – Seorang suri rumah berusia 50 tahun di Kepala Batas di sini mengalami kerugian sebanyak RM18,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Seremban baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, kejadian berlaku apabila mangsa menerima panggilan telefon daripada individu yang mendakwa dirinya daripada wakil syarikat kurier pada 21 Januari lalu.

Menurutnya, pemanggil itu bertanya kepada mangsa men-



**WALAUUPUN ahli sindiket Macau Scam pernah ditangkap, namun kegiatan penipuan masih berleluasa. – GAMBAR HIASAN**

genai bungkusan mengandungi lapan keping kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) milik individu lain yang kononnya dihantarkan oleh wanita tersebut.

"Mangsa yang terkejut menafikan hal itu sebelum panggilan disambung kepada individu lain kononnya polis di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Seremban untuk membuat aduan dan semakan.

"Polis itu mendakwa, hasil semakan MyKad, mangsa mendapati dia ada terlibat dalam kes penyeludupan dadah dan penipuan wang haram," katanya kepada pemberita semalam.

Menurut Noorzainy, mangsa di-

maklumkan dia boleh membuat rayuan berhubung kes itu, tetapi perlu membayar RM30,000.

"Namun, mangsa memberitahu, dia hanya mempunyai wang sebanyak RM18,000 sebelum membuat transaksi duit itu ke dalam dua akaun yang diberikan suspek kerana ketakutan.

"Mangsa dijanjikan bahawa wang itu akan dikembalikan sebelum menyedari dia ditipu selepas tidak lagi menerima sebarang panggilan telefon," katanya.

Mangsa tampil membuat laporan polis kelmarin dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.